

Cabaran Pengurusan Harta Tanah Wakaf: Kajian Kes Terhadap Pengalaman Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)

[Challenges in Managing Waqf Property: A Case Study on the Penang
Islamic Religious Council (MAINPP)]

Atikullah Abdullah ¹, Mohd Nor Adzhar Ibrahim ¹, Salmi Shaimi ², Ahmad Syukran
Baharuddin ³, Mohammad Amir Wan Harun ^{1*}

¹ Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800, Minden,
Pulau Pinang, Malaysia.

² Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, Tingkat 48, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang, Malaysia.

³ Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai
71800 Nilai Negeri Sembilan, Malaysia.

* Corresponding author: amirwan@usm.my

Abstrak

Pengurusan harta tanah wakaf oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) selaku pemegang amanah tunggal wakaf berhadapan pelbagai cabaran yang perlu dikenal pasti sebelum sebarang cadangan pembangunan ke atas harta tanah tersebut dijalankan agar pembangunan dapat disempurnakan dengan baik serta mencapai maqasid wakaf. Artikel ini membincangkan mengenai cabaran yang dihadapi oleh MAINPP dalam mengurus harta tanah wakaf di Pulau Pinang. Data dikumpul melalui analisis Laporan Wakaf Negeri Pulau Pinang

Manuscript Received Date: 25/11/20

Manuscript Acceptance Date: 18/02/21

Manuscript Published Date: 24/04/21

©The Author(s) (2020). Published by USIM Press on behalf of the Universiti Sains Islam Malaysia. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact usimpress@usim.edu.my

doi: 10.33102/ujj.vol33.no1.06



yang diterbitkan oleh Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang serta disokong temubual terhadap Ketua Unit Wakaf MAINPP. Dapatan kajian menemui empat cabaran utama: Pertama, salah faham masyarakat terhadap peranan MAIN selaku pemegang amanah tunggal harta tanah wakaf. Kedua, status pegangan pajakan ke atas tanah yang diwakafkan. Ketiga, pertikaian undang-undang terhadap tanah yang telah diwakafkan. Keempat, campur tangan waris dalam pengurusan harta tanah wakaf. Cabaran ini penting untuk diteliti oleh pihak berkepentingan dalam menjalankan perancangan pembangunan harta tanah wakaf di Pulau Pinang.

Kata kunci: *Harta tanah, wakaf, MAINPP, pengurusan, cabaran*

Abstract

Management of waqf properties by Penang State Islamic Religious Council (MAINPP) as sole trustee of waqf has faced many challenges that need to be identified before any proposal on the development of the properties can be implemented. Hence, the proposed development may properly be realized and will achieve the waqf purposes. This article focuses on the challenges faced by MAINPP in the management of waqf properties in Penang. The data was collected through an analysis of the Penang State Waqf Report, published by Penang State Mufti Department, and supported by an interview with the Head of Waqf Unit of MAINPP. The study has identified four main challenges: Firstly, misunderstanding in the society regarding the role of MAINPP as sole trustee of waqf properties. Secondly, the leasehold status of endowed lands. Thirdly, legal disputes arising out of endowed lands. Fourthly, interference of heirs in management of waqf properties. The study concluded that it is important for stakeholders to scrutinize these challenges while planning for waqf properties development in Penang.

Keywords: *Properties, waqf, MAINPP, management, challenges*

1. Pengenalan

Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) selaku pemegang amanah tunggal harta tanah wakaf di negeri Pulau Pinang menggalas tanggungjawab besar dalam mengurus kesemua harta tanah wakaf di negeri tersebut yang kebanyakannya terletak dalam kawasan bandar yang bernilai tinggi serta berpotensi untuk dimajukan (Yaakob et al. 2017). Sehingga tahun 2019, sejumlah 1,277 lot tanah dengan keluasan 1275.4573 ekar telah berjaya didaftarkan sebagai tanah wakaf oleh MAINPP (Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang 2019). Walau bagaimanapun, masih terdapat banyak harta tanah wakaf yang berpotensi untuk dimanfaatkan bagi aktiviti pembangunan sama ada berbentuk ekonomi mahupun sosial (Daud & Mubarak 2019). Menurut Ibarahim (2016), sebahagian harta tanah wakaf di negeri ini mempunyai potensi besar untuk dibangunkan bagi memenuhi keperluan sosial masyarakat serta dalam waktu yang sama turut memberikan pulangan keuntungan bagi pengembangan harta tanah wakaf itu sendiri (Sanusi & Shafiai 2015). Peranan MAINPP dalam mengurus harta tanah wakaf yang luas dan bernilai

tinggi ini bukanlah sesuatu yang mudah dilaksanakan, MAINPP selaku pemegang amanah tunggal harta tanah wakaf sudah pasti berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam mengurusnya terutamanya apabila pengurusan harta tanah wakaf perlu melibatkan kolaboratif pihak lain (Suhaili, Pahil & Husin 2018). Cabaran ini sedikit sebanyak telah menghadkan keupayaan MAINPP dalam mengurus harta tanah tersebut terutamanya yang terletak di lokasi strategik dan bernilai tinggi untuk pembangunan (Yaakob et al. 2017). Bagi memastikan harta tanah wakaf di Pulau Pinang dapat dibangunkan dengan baik, cabaran-cabaran yang dihadapi oleh MAINPP dalam menguruskannya perlu diperincikan terlebih dahulu agar pelan perancangan pembangunan yang dibuat dapat mengambil kira cabaran tersebut sebelum ia dapat dilaksanakan. Oleh itu artikel ini membincangkan mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi oleh MAINPP dalam mengurus harta tanah wakaf di Pulau Pinang.

2. Harta Tanah Wakaf Di Pulau Pinang


Amalan wakaf merupakan satu amalan kebajikan yang sangat dituntut dalam syariat Islam (al-Khin, al-Bugha & al-Syarbaji 1992). Bermula dari awal pensyariatannya pada era Rasulullah SAW sendiri, amalan berwakaf telah menjadi satu lumrah dalam masyarakat Islam sebagai jalan menghampirkan diri kepada Allah SWT (Yusoh 2013). Masyarakat Islam di zaman awal Islam berlumba-lumba untuk berwakaf bagi meraih ganjaran berterusan sehingga ke hari kiamat. Amalan ini juga berterusan diamalkan hingga ke hari ini bagi mencontohi sunah Nabi Muhammad SAW yang pernah mewakafkan harta yang diwasiatkan oleh kepadanya oleh seorang Yahudi yang bernama Mukhairiq yang terkorban dalam peperangan Uhud (Don 2019).

Dalam konteks pengamalan wakaf di negeri Pulau Pinang pula, amalan berwakaf wujud seiring dengan kedatangan Islam di negeri ini. Hal ini berlaku dengan terbinanya masjid-masjid, surau, sekolah agama dan tanah perkuburan Islam yang semuanya itu wujud berasaskan kepada praktis amalan berwakaf. Maskipun praktis amalan pada ketika itu tidak melibatkan urusan pendaftaran harta wakaf, namun kewujudan semua institusi dan bukti-bukti yang ada sudah cukup menunjukkan amalan berwakaf ini telah dipraktikkan di negeri ini sejak sekian lama (Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang 2016a). Kewujudan harta wakaf melalui penggunaan dapat dilihat melalui bukti fizikal yang ada seperti masjid Batu Uban dan Masjid Kapitan Keling yang wujudnya di negeri ini melebihi 200 tahun yang lalu. Wakaf Kapitan Keling contohnya merupakan salah satu aset wakaf yang bernilai tinggi kerana ia terletak di tengah-tengah pusat bandar George Town, Pulau Pinang dan tanah ini telah diwakafkan pada tahun 1801 (*Hand Book of the Mohamedan and Hindu Endowments Board*, 1932). Tanah tersebut diperolehi melalui penganugerahan kerajaan British kepada seorang ketua kaum yang dikenali sebagai Abdul Cauder Mohuddin atau lebih dikenali dengan nama Kapitan Keling yang kemudiannya mewakafkan tanah tersebut bagi tujuan keagamaan (Azmi & Ismail 2016). Keseluruhan tanah yang dianugerahkan pada ketika itu adalah berkeluasan 374,099 kaki persegi atau 8.5 ekar. Pembinaan Masjid Kapitan Keling merupakan titik permulaan kepada mengembangkan manfaat wakaf tanah tersebut yang menyaksikan pembinaan tambahan premis-premis perniagaan di sekitar kawasan masjid Kapitan Keling (Roslan 2016).

Demikian juga kewujudan masjid Batu Uban yang telah diasaskan oleh Tuan Haji Mohammad Salleh yang bergelar Nakhoda Intan pada tahun 1734 (Abdul Rashid, 2012) serta kewujudan

perkuburan lama masyarakat Islam di sekitarnya menjadi bukti amalan berwakaf ini telah sedia diamalkan oleh masyarakat Islam lebih awal sebelum kedatangan British ke negeri Pulau Pinang. Nakhoda Intan dan adiknya Nakhoda Kechil yang berasal dari Sumatera telah menghadap Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muazam Syah II (memerintah 1710 hingga 1778) untuk memohon keizinan membuka kawasan perkampungan di pulau itu. Setelah diperkenankan, Batu Uban telah dibangunkan bukan sahaja sebagai pelabuhan ekonomi, malah menjadi kawasan kerohanian dan kemasyarakatan (Musa, 2014; Haji Salleh et al., 2008). Berdasarkan pernyataan fakta-fakta di atas, adalah dipercayai bahawa amalan berwakaf telah lama berakar umbi dalam kalangan masyarakat Islam di Pulau Pinang. Namun begitu, bukti-bukti secara dokumentasi hanya dapat dikesan setelah kedatangan British ke negeri ini yang menjadikan negeri Pulau Pinang sebagai salah sebuah negeri selat bersama Melaka dan Singapura.

Dari sudut pentadbiran wakaf di Malaysia secara umumnya diletakkan di bawah Majlis Agama Islam negeri yang merupakan pemegang tunggal kepada semua harta tanah wakaf di Malaysia (Abu Bakar et al., 2020). Perkara 74(2), Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa negeri-negeri mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang bagi perkara-perkara yang disebut di bawah senarai negeri yang terkandung di dalam Senarai Kedua Jadual ke Sembilan. Dalam konteks di negeri Pulau Pinang pula, ia dinyatakan dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993, Seksyen 92 di mana ia memperuntukkan bahawa MAINPP adalah sebagai pemegang amanah tunggal dan bertanggungjawab membangunkannya untuk manfaat orang Islam. Menurut Ab Rahman (2009), Seksyen 93 di bawah enakmen yang sama telah memperuntukkan kuasa di mana Majlis hendaklah mengambil inisiatif dan meletak hak dan mendaftar kesemua tanah wakaf, amanah dan nazar am yang terkandung dalam Seksyen 92 mengikut undang-undang yang relevan dengan tanah. Punca kuasa pentadbiran wakaf di Pulau Pinang dinyatakan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004. Terdapat tujuh peruntukan dari seksyen 89 hingga seksyen 95 yang memberi kuasa kepada MAINPP sebagai pemegang amanah tunggal, perletahakan dan kawalan ke atas harta wakaf. Melalui peruntukan Seksyen 89 enakmen berkenaan, MAINPP telah mengambil alih peranan sebagai pemegang amanah yang terdahulu berbanding amalan sebelumnya. Pada masa ini, MAINPP telah mendaftarkan sejumlah 1,277 lot tanah wakaf dengan keluasan 1,275.45 ekar berdasarkan pecahan sebagaimana berikut:



RAJAH 1. Pecahan jumlah lot tanah wakaf yang diuruskan oleh MAINPP mengikut daerah. SUMBER: Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (2019).


Keseluruhan jumlah tanah ini meliputi semua jenis tanah wakaf sama ada untuk tujuan masjid, tanah perkuburan, sekolah agama, surau dan wakaf am yang lain. Selain daripada perolehan tanah wakaf melalui individu dan pembelian aset wakaf melalui sumber sumbangan dana Wakaf, MAINPP juga dari masa ke semasa akan menerima tanah-tanah wakaf melalui serahan pihak pemaju untuk dijadikan surau atau pun melalui proses bermilik tanah kerajaan kepada MAINPP. Selain daripada aset tanah di atas, pihak MAINPP juga turut menguruskan sejumlah 222 unit premis komersial dan 238 unit premis kediaman beserta 385 sewaan tapak yang didirikan di atas tanah-tanah wakaf (Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang 2019).

Sebagai langkah untuk terus memberi galakan dan ruang kepada masyarakat Islam negeri ini melaksanakan ibadah wakaf, pihak MAINPP telah memperkenalkan produk dana wakaf. Produk ini telah memberi ruang kepada masyarakat Islam untuk terus melaksanakan ibadah wakaf dengan cara mewakilkan kepada MAINPP untuk memindah milik mana-mana fizikal kekal menggunakan dana wakaf tunai yang disalurkan kepada MAINPP. Dengan cara ini secara tidak langsung ianya telah membuka ruang kepada semua masyarakat Islam untuk terus melaksanakan ibadah wakaf tanpa mengira latar belakang ekonomi seseorang. Sehingga kini MAINPP telah membeli sejumlah 3 buah bangunan melalui program Dana Wakaf Tunai bernilai RM2,290,000.00 disamping 1.656 ekar tanah dengan kos sebanyak RM3,656,908.00 (Ketua Unit Wakaf MAINPP 2019).

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes bagi mengkaji secara spesifik pengalaman MAINPP terhadap cabaran-cabaran yang berlaku dalam mengurus harta tanah wakaf di Pulau Pinang. Menurut Hamel (1993), kajian kes kebiasaannya digunakan bagi mengkaji secara insentif fenomena kompleks pada seorang individu, suatu kumpulan tertentu atau suatu subjek

bagi mendapatkan kefahaman tentang suatu perkara. Reka bentuk kajian ini membolehkan pengkaji berinteraksi dengan data yang kompleks dan perbincangan yang luas bagi mengecilkannya untuk menjawab persoalan kajian. Melalui pengumpulan data kualitatif - dalam konteks kajian ini - penyelidik memperoleh gambaran yang lebih mendalam terhadap fenomena yang berlaku (Heale & Twycross 2017). Prosedur reka bentuk kajian secara keseluruhannya ditunjukkan dalam rajah 2.




RAJAH 2. Prosedur reka bentuk kajian

Bagi mendapatkan gambaran lebih luas mengenai topik kajian, pengkaji telah mengumpul data mentah daripada dua sumber iaitu, data pertama dikumpul melalui analisis Laporan Wakaf Muaqqat yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang pada tahun 2019. Manakala data kedua dikumpul melalui temubual bersama Ketua Unit Wakaf MAINPP. Kajian ini terfokus kepada MAINPP berdasarkan sejarah Pulau Pinang sebagai antara negeri terawal dalam pengembangan Islam serta kewujudan aset fizikal harta tanah wakaf seperti wakaf Kapitan Keling pada tahun 1801 dan ia tersenarai antara Tapak Warisan Dunia UNESCO (*Hand Book of The Mohamedan And Hindu Endowments Board 1932*; Azmi & Ismail 2016) dan wakaf tanah masjid Batu Uban pada tahun 1734 (Abdul Rashid 2012). Kesemua data dikumpulkan ke dalam sebuah repositori data yang diwujudkan khas bagi kajian ini. Kedua-dua data ini telah dianalisis secara induktif bagi mengecilkannya sehingga telah menghasilkan rumusan yang diinterpretasi sebagai dapatan kajian. Proses ini selaras dengan saranan Thomas (2006) terhadap proses analisis data berdasarkan pendekatan induktif.

4. Dapatan Dan Perbincangan

Dapatan kajian mendapati, MAINPP menghadapi empat cabaran utama dalam mengurus harta tanah wakaf seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.



RAJAH 3. Cabaran pengurusan wakaf yang dihadapi oleh MAINPP

i. Salah Faham Masyarakat Terhadap Peranan MAINPP Sebagai Pemegang Amanah Tunggal Harta Tanah Wakaf

Isu keyakinan terhadap sesuatu perkara merupakan isu biasa yang pasti wujud dalam diri manusia. Dalam konteks pengurusan harta tanah wakaf, isu kepercayaan masyarakat terhadap agensi yang diamanahkan untuk mengurus harta tanah wakaf telah menjadi lumrah (Ketua Unit Wakaf MAINPP 2019). Berdasarkan peruntukan undang-undang melalui Seksyen 88, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang 2004, terdapat tujuh peruntukan dari Seksyen 89 hingga Seksyen 95 yang memberi kuasa kepada MAINPP sebagai pemegang amanah tunggal, perletahakan dan kawalan ke atas harta wakaf. Melalui peruntukan Seksyen 89 enakmen berkenaan, MAINPP telah mengambil alih peranan sebagai pemegang amanah yang terdahulu berbanding amalan sebelumnya (Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang 2019). Namun hal ini telah menimbulkan pelbagai reaksi dalam masyarakat yang salah faham mengenai maksud ‘pemegang amanah tunggal’ dan ini secara langsung telah mempengaruhi pola pemikiran dan budaya berwakaf dalam kalangan masyarakat. Ada sebahagian pihak yang beranggapan bahawa peruntukan yang ada seolah-olah diwujudkan untuk merampas harta-harta wakaf daripada pemegang amanah terdahulu dan dijadikan pemilikannya ke atas nama MAINPP. Dalam masa yang sama, ada juga yang beranggapan bahawa melalui pewujudan enakmen wakaf ini telah menjadikan semua harta tanah wakaf sebagai milikan MAINPP. Salah faham ini secara tidak langsung telah merencatkan budaya wakaf dalam kalangan masyarakat

masa kini, disamping faktor-faktor pemilikan harta dan keupayaan masyarakat Islam kini melaksanakan amalan berwakaf itu sendiri (Ketua Unit Wakaf MAINPP 2019).

ii. Status Pegangan Pajak ke Atas Tanah Wakaf

Isu status 'pegangan pajakan' ke atas tanah-tanah yang diwakafkan telah menjadi polemik bagi pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaku pentadbir harta wakaf secara umum di Malaysia dan pihak MAINPP selaku pentadbir harta wakaf di negeri Pulau Pinang (Ketua Unit Wakaf MAINPP 2019). Tanah pegangan bebas (*freehold*) membawa maksud pemilikan bebas selama-lamanya oleh pemilik berdaftar. Manakala tanah pegangan pajakan (*leasehold*) adalah pegangan pemilikan sementara oleh pemegang pajakan untuk tempoh yang telah ditentukan oleh pemilik tanah asal. Kanun Tanah Negara (KTN) memperuntukan tempoh minimum pajakan adalah 3 tahun dan maksimum 99 tahun. Tanah pajakan bagi tuannya-tuannya diwujudkan melalui peruntukan Seksyen 221 KTN. Manakala tanah pajakan daripada pemberimilikan oleh Pihak Berkuasa Negeri tertakluk kepada tempoh tidak melebihi dari sembilan puluh sembilan tahun diwujudkan melalui Seksyen 76 KTN (*Kanun Tanah Negara 1965*). Tujuan peruntukan ini diwujudkan adalah bagi membolehkan pihak pemilik tanah memiliki semula tanah miliknya apabila tamat tempoh pajakan atau bagi membolehkan satu perancangan baru dibuat bagi tanah berkenaan apabila tamat tempoh pajakan. Selain itu, ianya juga boleh menjadi sumber penajaan pada masa hadapan kepada pemilik asal (Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang 2019).

Isu pendaftaran tanah wakaf di atas pegangan pajakan (*leasehold*) merupakan isu yang perlu diselesaikan dengan segera kerana terdapat tanah wakaf yang berisiko akan kembali kepada pemilik berdaftar, iaitu Pihak Berkuasa Negeri apabila tempoh pajakan itu tamat (Ab Ghani et al. 2011). Hal ini bertentangan dengan prinsip wakaf yang bersifat selama-lamanya bagi kesahan wakaf itu sendiri. Ini adalah pegangan dalam mazhab Syaf'i bahawa syarat kekal adalah wajib bagi mengesahkan sesuatu wakaf (al-Syarbini 1958). Begitu juga pandangan sarjana Islam kontemporari seperti Abu Zahrah (1971) bahawa syarat bagi tanah yang hendak diwakafkan perlu bersifat kekal. Oleh itu, sistem pengurusan dan perundangan tanah berkaitan pegangan pajakan telah memberi cabaran kepada pelaksanaan amalan berwakaf oleh masyarakat serta MAIN selaku pihak yang mengurus tanah-tanah wakaf berstatus pajakan seperti ini disebabkan pertentangannya dengan prinsip wakaf yang bersifat selama-lamanya.

Jika melihat kepada Seksyen 4 (2) KTN yang telah memberi pengecualian kepada tanah baitulmal dan wakaf daripada peruntukkan-peruntukkan Akta KTN (1965) seolah-olah meredakan kemelut ini, namun instrumen yang ada bagi maksud mengurus harta tanah wakaf masih lagi tertakluk kepada peruntukan undang-undang tersebut yang menyebabkan pengurusan harta tanah wakaf masih lagi sebagai suatu cabaran yang relevan untuk diteliti. Contohnya jika tanah pajakan yang diwakafkan itu terkait dengan isu surat amanah, wasiat, pewaris bukan Islam, tuntutan pewaris bagi tanah wakaf yang tidak dipindah milik dan tindakan undang-undang ke atas pencerobohan tanah wakaf, maka kebiasaannya kes-kes ini biasanya akan dibicarakan di mahkamah sivil (Shakrani, Noor & Ali 2003).

Cabaran Pengurusan Harta Tanag Wakaf

Terdapat senario selain daripada yang disebutkan di atas pernah dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, apabila MAINPP menerima satu kes permohonan mewakafkan tanah yang berstatus pajakan selama 23 tahun milik Majlis Bandaraya Pulau Pinang, manakala pewakaf yang juga pemegang pajakan telah diberi kebenaran membina rumah di atasnya dan baki tempoh pajakan adalah 1 tahun 8 bulan sebelum tamat tempoh pajakan. Dalam mempertimbangkan kes seumpama ini, mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bilangan 3/2016 bertarikh 8 dan 9 Jun 2016 telah memutuskan untuk bersetuju memberi pengesahan permohonan mewakafkan tanah berstatus pajakan sebagai wakaf sementara bagi tempoh baki pajakan (Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang 2016b). Maka dalam situasi ini, MAINPP bertanggungjawab mengurus tanah tersebut sepanjang baki tempoh pajakan dan perlu juga mengurus permohonan pelanjutan tempoh baru pajakan selepas tamat tempoh pajakan pertama (Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang 2019).

iii. Pertikaian Undang-Undang Berhubung Tanah Wakaf

Mengurus harta tanah pasti tidak sunyi daripada cabaran pertikaian undang-undang antara pihak-pihak yang berkepentingan termasuklah dalam isu harta tanah wakaf. Terdapat tanah yang telah diwakafkan, namun ia menjadi subjek pertikaian undang-undang antara MAINPP dan waris pewakaf atau pihak berkepentingan lain. Contohnya kes tanah wakaf Shaik Eusoff Shaik Latiff yang dituntut oleh pewaris dan kes ini dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah, antara isu yang dipertikaikan adalah berkaitan wasiat pewakaf (Ketua Unit Wakaf MAINPP 2019). Waris kepada hartawan Pulau Pinang pada 1800-an memberitahu Mahkamah Tinggi Syariah bahawa harta pusaka keluarga mereka di Air Hitam yang kini bernilai RM300 juta hendaklah dipulangkan oleh MAINPP kerana ia diwasiatkan kepada mereka secara sah. Hal ini kerana berdasarkan wasiat Shaik Eusoff, tanahnya seluas 6 hektar di Jalan Thean Teik diberikan sebagai wakaf orang Islam selama 21 tahun dari tarikh kematian anak bongsu beliau. Shukor memberitahu mahkamah bahawa anak bongsu daripada 7 anak Shaikh Eusoff – seorang anak perempuan – meninggal dunia pada 1932, justeru tanah berkenaan sepatutnya dipulangkan sebagai harta pesaka keluarganya pada 1953 (Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang 2019).

Namun begitu, status pengekalan tanah tersebut sebagai wakaf telah diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Syariah Negeri Pulau Pinang bil. 1/2000 yang membuat ketetapan bahawa sebidang tanah yang terdapat di atasnya sebuah masjid yang dikenali sebagai Masjid Shaik Eusoff telah pun ditetapkan sebagai wakaf melalui Deed Poll No. pendaftaran 584, 1890 dan status tersebut adalah berkekalan sehingga ke hari ini dan untuk selama-lamanya. Harta yang telah diwakafkan tidak boleh dibatalkan kerana faktor masa tidak boleh dikaitkan dalam proses wakaf. Keputusan ini berpandukan pandangan al-Dimyati (1883) dalam karya *I'anaḥ at-Talibin*, “Dan tidak batal wakaf setiap keadaan malah adalah berterusan.” (Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang 2019).

iv. Campur Tangan Waris dalam Pengurusan Harta Tanah Wakaf

Campur tangan pewaris dalam pengurusan harta tanah wakaf berlaku dalam pelbagai bentuk dan senario terutamanya berkaitan konflik kepentingan manfaat wakaf yang dilihat secara berbeza oleh MAIN dengan ahli waris pewakaf. Contohnya dalam kes Majlis Agama Islam

Pulau Pinang (MAINPP) lawan Isa bin Abdul Rahman dan lain (1992: 2 MLJ 244) yang laporannya telah diterbitkan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (1993), selaku waris bagi tuan tanah yang telah mewakafkan tanahnya secara wakaf am untuk sebuah masjid pada tahun 1889 yang dikenali dengan Masjid Simpang Enam, responden telah menentang kehendak MAINPP untuk merobohkan masjid tersebut dan menggantikannya dengan 1 bangunan 5 tingkat yang mana tingkat pertama hingga ketiga digunakan sebagai pejabat bank manakala tingkat empat dan lima sebagai masjid. Memikirkan sebahagian rancangan itu bercanggah dengan tujuan pewakaf asal, responden telah membuat tuntutan di Mahkamah Tinggi Sivil Pulau Pinang supaya diisytiharkan tanah masjid itu sebagai wakaf am dan MAINPP tidak berhak merobohkan masjid tersebut. Selain itu responden juga membuat permohonan perintah tegahan (injunksi) kepada MAINPP atau ejen-ejennya dari merobohkan Masjid tersebut. MAINPP cuba mengenenpikan perintah tegahan tersebut tetapi gagal, lalu merayu ke Mahkamah Agung yang juga akhirnya menolak permohonan tersebut (Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, 1993). Menurut Ketua Unit Wakaf MAINPP (2019), campur tangan pewaris dalam pengurusan harta tanah wakaf merupakan salah satu kekangan yang sering terjadi di Pulau Pinang dan ia sedikit sebanyak menghadkan MAINPP daripada membangunkan harta tanah wakaf di Pulau Pinang.

Mendepani isu pentadbiran wakaf tanah di Pulau Pinang, MAINPP selaku pemegang amanah tunggal harta tanah wakaf di negeri Pulau Pinang berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam pengurusannya. Cabaran-cabaran ini penting untuk dibincangkan dan diperhalusi agar perancangan pembangunan harta tanah wakaf yang ingin dilaksanakan dapat mengambil kira cabaran-cabaran ini agar pembangunan dapat dilaksanakan dengan berkesan serta mencapai *maqasid* wakaf.

5. Kesimpulan

Wakaf secara umum merupakan salah satu bentuk ibadah yang dituntut dalam Islam sebagai jalan mendekati diri kepada Allah. Ibadah ini mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan masyarakat di negeri Pulau Pinang. Hal ini dapat dilihat daripada rekod wakaf yang dilakukan oleh masyarakat setempat semenjak kemasukan Islam ke negeri ini sehinggalah pentadbiran wakaf itu diletakkan di bawah kendalian MAINPP sebagai satu badan yang berautoriti. Nilai harta wakaf pula terus meningkat saban tahun. Jika diurus dengan baik, wakaf itu sendiri berupaya menjadi instrumen pembangunan negara secara umum dan umat Islam secara khusus. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama, MAINPP selaku pengurus harta wakaf juga berhadapan dengan pelbagai masalah dan cabaran dalam melestarikan aktiviti wakaf di Pulau Pinang, khususnya melibatkan wakaf tanah yang mempunyai perkaitan dengan undang-undang lain termasuklah Kanun Tanah Negara (KTN) dan sebagainya. Cabaran-cabaran berkaitan pentadbiran wakaf tanah ini dapat diatasi dan diselesaikan dengan baik jika semua pihak yang terlibat memahami konsep dan aspirasi wakaf tanah, seterusnya memberi kepercayaan sepenuhnya kepada MAINPP untuk mengurus wakaf tanah di negeri Pulau Pinang dengan cekap bagi menghasilkan natijah serta *maqasid* yang dikehendaki sebagaimana yang dituntut oleh syarak.

Penghargaan

Kami ingin merakamkan penghargaan kepada Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang di atas bantuan kewangan melalui geran penyelidikan (JMNPP/19/0009/019/[60]).

Rujukan

- Ab Ghani, S., Mohamad, M. H., Mohamed, H. A., Abdul Ghani, B., 2011. Amalan Pendaftaran Tanah Wakaf: Satu Kajian Kes di Bawah Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia, *International Conference 2011: Future Education in Global Challenges (ICETA 3)*, 19 April. Hotel Garden Palace, Jawa Timur, Indonesia, 453-467.
- Ab Rahman, A. 2009. Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah* 17(1): 113-152.
- Abdul Rashid F. 2012. *Biography of The Early Malay Doctors 1900-1957 Malaya and Singapore*. Australia: Xlibris Corporation.
- Abu Bakar, M. ., Ahmad, S. ., Salleh, A. D., & Salleh, M. F. 2020. Transformasi Tadbir Urus Wakaf oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs): Transformation of Waqf Governance by Perlis Islamic Religious and Malay Customs Council (MAIPs). *Sains Insani* 5(1): 212-224.
- Abu Zahrah, M. 1971. *Muhadarah fi al-Waqf*. Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- Al-Dimyati, A. B. U. 1883. *al-Hashiyah I’annah al-Talibin*, Qahirah: Dar Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyah.
- Al-Khin M., al-Bugha M. & al-Syarbaji A. 1992. *al-Fiqh al-Manhaji ‘ala Madzhab al-Imam al-Syafi’i*, Dimasyq: Dar al-Qalam.
- Al-Syarbini K. M. 1958. *Mughni al-Muhtaj ila Ma’rifah Ma’ani Alfaz al-Minhaj*. Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh.
- Azmi, E. & Ismail, M. Z. 2016. Cultural Heritage Tourism: Kapitan Keling mosque as a Focal Point & Symbolic Identity for Indian Muslim in Penang, *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 222: 528-538.
- Daud, M. H. & Mubarak, M. Z. 2019. Amalan Pengurusan Wakaf di Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (Mainpp). *Labuan E-Journal of Muamalat And Society*. 13: 65-75.
- Don, M. A. M. 2019. Teori Wakaf, Kepelbagaian dan Contoh Amalan di Malaysia. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* 20: 24-39.

- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang* 2004. Enakmen 4 Tahun 2004 (Pulau Pinang: Malaysia).
- Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang* 1993. Enakmen 7 Tahun 1993 (Pulau Pinang: Malaysia).
- Haji Salleh M. 2008. *Sejarah Awal Pulau Pinang*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Hamel J. 1993. *Case Study Methods*. Newbury Park: Sage Publications
- Handbook of the Mohamedan and Hindu Endowments Board* 1932. Penang: Criterion Press.
- Heale R. dan Twycross A. 2017. What is a Case Study?. *Evidence-Based Nursing*. 21:7-8.
- Ibrahim, Y. 2005. Fenomena Penempatan Komuniti Melayu Bandar di Tanah Wakaf: Kajian di Georgetown, Pulau Pinang. *Jurnal Pengajian Melayu*. 15: 1-18.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia 1993. Wakaf: Majlis Agama Islam Pulau Pinang lwn Isa Abdul Rahman & Satu (1992: 2 MLJ 244). *Jurnal Hukum*. 8 (2): 243-248.
- Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang 2016. Status Tanah Yang Digunakan Aktiviti Keagamaan (Masjid, Surau, Tanah Perkuburan dan Sekolah Agama). Dalam *Himpunan Fatwa Negeri Pulau Pinang Tahun 2001- 2005*, diedit oleh Bahagian Fatwa, 35-36. Komtar, Pulau Pinang: Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.
- Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang 2016b. Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang bil. 3/2016. Diakses melalui http://efatwa.penang.gov.my/fatwa_details.php?fatwaid=896
- Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang 2019. Laporan Konsep dan Hukum Wakaf Mu'aqat serta Kesesuaiannya di Pulau Pinang. Komtar, Pulau Pinang: Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.
- Kanun Tanah Negara 1965* (KTN) s. 76 & 221 (Malaysia)
- Ketua Unit Wakaf MAINP 2019. Temubual bersemuka pada 5 Ogos 2019.
- Musa M. 2014. *Sejarah Masjid dan Keramat di Pulau Pinang 1730-an - 2012*, George Town: Think City.
- Roslan, S. F. 2016. *Pembangunan Tanah Wakaf Di Pulau Pinang: Masalah Dan Penilaian Strategi*. Disertasi Ijazah Sarjana Muda tidak diterbitkan. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Sanusi S. & Shafiai M. H. 2015. The Management of Cash Waqf: Toward Socio-Economic Development of Muslims in Malaysia. *Jurnal Pengurusan*.43:3-12.

Cabaran Pengurusan Harta Tanag Wakaf

- Shakrani, M. S., Noor, M. S. Z. & Ali, J. 2003. Tinjauan Isu-isu yang Membataskan Penggunaan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Ummah di Malaysia. *Jurnal Syariah*. 11(2), 73-98.
- Suhaili N. A., Pahil M. R. & Husin R. 2018. Wakaf CSR: An Emperical Study of Polycentric Collaborative Waqf Governance. *Jurnal Pengurusan*. 53:133-146.
- Thomas D. R. 2006. A General Inductive Approach for Analyzing Qualitative Evaluation Data. *American Journal of Evaluation*. 27(2):237-246. doi:10.1177/1098214005283748
- Yaakob, R., Ismail D., Aziz, H. & Jusoh, M. S. 2017. Pemantapan Institusi Wakaf Pulau Pinang Dalam Aspek Pembangunan Fizikal Dan Kerohanian. *Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia*, diedit oleh Mohd Nasran Mohamad, Muhamad Razak Idris, Farid Mat Zain, Cheloh Khaegphong, Anis Pattanaprichawong & Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani, 11-12 April. Narathiwat, Thailand, 371-388.
- Yusoh B. 2013. Wakaf Antara Realiti dan Prospek Dalam Masyarakat Islam Patani, *al-Hikmah Journal of Fatoni University* 6(3): 95-107.